

05 APR 2001

Mahathir-Pengarah (Bergambar)

DR MAHATHIR JADI PENGARAH FILEM

Oleh: Lizawati Bahanan

KUALA LUMPUR, 5 April (Bernama) -- "Action...Cut". Demikian arahan daripada pengarah apabila petikan filem "Embun" dipentaskan di Auditorium Perdana Wisma Radio, Angkasapuri hari ini.

Suara yang memberikan arahan itu biasa didengar rakyat Malaysia dan lazimnya di persada politik dan pemerintahan negara tetapi kali ini Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad beraksi di belakang tabir sebagai seorang "pengarah" filem.

Perdana Menteri telah menjadi pengarah untuk satu cebisan pementasan petikan filem "Embun", sebagai publisiti filem usahasama pertama dua agensi Kementerian Penerangan, Finas dan Filem Negara.

Filem yang diadaptasikan daripada karya asal Rohiman Haroon berjudul "Titisan Air Mata Embun" itu akan diarah oleh Erma Fatima.

"Tadi saya jadi pengarah tapi sebenarnya saya tak boleh jadi pengarah nak sebut cut pun saya sebut action jadi saya lebih layak untuk jadi ahli politik," kata Dr Mahathir semasa berucap pada majlis lawatan kerjanya ke Angkasapuri hari ini, sempena perayaan ulang tahun ke-55 RTM.

Dr Mahathir telah dibantu oleh Erma bagi menjalankan tugas sebagai "pengarah".

Filem "Embun" mengisahkan perjuangan orang Melayu semasa di bawah pemerintahan Jepun sekitar 1942 yang menuntut Jepun mengotakan janji dan slogan Asia Untuk Asia.

Dua pelakon utama filem itu ialah Hani Mohsen dan Intan Azura sebagai watak utama bersama-sama penduduk kampung yang bangkit menentang penjajahan Jepun ketika rakyat mula merasa keadaan sengsara berikutan kekurangan makanan dan masalah penyakit.

Produksi Embun akan bermula Jun dan dijangka siap penghujung tahun ini.

Dalam sesi dialog yang diadakan, Perdana Menteri menyarankan kepada pengusaha-pengusaha filem tempatan agar bergabung untuk menghasilkan filem yang bermutu dan berkualiti.

"Jika buat perbandingan antara Amerika Syarikat dengan Malaysia, Amerika Syarikat tidak memiliki studio yang banyak dan ada dua yang terbesar iaitu Universal Studio dan MGM dan filem-filemnya dipasarkan ke seluruh dunia. Malaysia terdapat banyak syarikat perfileman dan studio, tetapi tidak ada modal yang banyak," katanya ketika menjawab pertanyaan berkenaan hala tuju industri perfileman negara.

Cadangan dan saranan Dr Mahathir itu disambut baik oleh beberapa orang pengarah filem termasuk produser dan pengarah Yusof Haslam yang ditemui selepas majlis makan tengahari bersama Perdana Menteri.

"Maksud Perdana Menteri berkenaan saranan untuk satukan syarikat filem itu bukan bererti menjadi satu, cuma jangan banyak sangat syarikat, bersatu untuk menghasilkan sebuah filem yang benar-benar berkualiti," katanya.

"Saya juga bersetuju (bergabung) tetapi ia terpulang kepada individu. Jika ada rakan yang bagus berkemungkinan juga, buat masa ini saya boleh seiring dengan Aziz M Osman," kata Yusuf, yang telah banyak menghasilkan filem "box office" seperti Maria Mariana, Sembilu, Bara dan Gerak Khas The Movie".

Katanya penonton Malaysia juga memerlukan sebuah filem epik seperti yang sedang diusahakan oleh Erma itu.

Disamping itu beliau juga mengharap agar filem "Pasir Salak" oleh Datuk Jins Shamsudin akan menjadi nyata kerana ia sebuah filem epik yang sangat diperlu dan dinanti-nantikan.

Erma pula berkata beliau juga bersetuju dengan cadangan dan saranan Perdana Menteri supaya syarikat filem tempatan bersatu bagi menghasilkan filem yang berkualiti.

Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob berkata penglibatan kerajaan dalam usahasama ini adalah sebagai usaha simbolik dan momentum kepada perkembangan industri filem di Malaysia.

Beliau menolak kemungkinan kementerian akan menjadi pengeluar atau pengusaha filem.

Katanya setiap filem yang dihasilkan harus menggabungkan antara seni dan komersil untuk mendapat sambutan dari generasi muda.

-- BERNAMA

LIB AHH MOZ